

Bentang formula subsidi petrol terbesar

"Apabila dibentangkan nanti, akan ada pelbagai perbincangan, syor, penambahbaikan dan sebagainya. Apabila mendapat kelulusan Jemaah Menteri, saya akan membuat pengumuman dalam masa terdekat," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan platform dokumentasi wasiat, hibah dan harta sepencarian secara atas talian, Pesanku, semalam.

Turut hadir Pengerusi Eksekutif Raficomm Group Datuk Md Afendi Hamdan.

April lalu, Saifuddin berkata, pemberian subsidi petrol terbesar bagi golongan B40 mungkin dibuat secara terus ke dalam akaun penerima kerana 90 peratus penerima Bantuan Sara Hidup layak menerima subsidi petrol terbesar secara terus ke dalam akaun mereka.

Ditanya sama ada bayaran secara terus itu akan dilaksanakan, Saifuddin berkata, kementeriannya akan membentangkan semua opsi yang ada dan memutuskan opsi terbaik.

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sudah ada formula berhubung pemberian subsidi petrol terbesar bagi golongan berpendapatan rendah atau B40.

Menterinya Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, pihaknya dalam proses menyediakan kertas Kabinet berhubung formula berkenaan dan dijangka dibentangkan dalam mesyuarat kabinet pada bulan ini.

"Ja (formula) sudah ada tapi saya tidak umumkan dulu. Kami sedang menyediakan kertas Kabinet yang akan menjadi kertas Kabinet bersama KPDNHEP dan Kementerian Kewangan.



SAIFUDDIN (tengah) melancarkan dokumentasi dalam talian menerusi laman web Pesanku.